

Usim tingkat kualiti pendidikan Islam

Penubuhan berteras konsep kesepaduan ilmu naqli, aqli dalam semua pengajian

Oleh Sapora Sipon

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (Usim) yang dulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Sains Islam Malaysia (Kuim) ditubuhkan bertujuan meningkatkan kualiti pendidikan Islam di negara ini. Penubuhan Usim berteraskan konsep kesepaduan ilmu naqli dan ilmu aqli dalam semua program pengajian ditawarkan.

Usim memulakan operasi pentadbirannya di Bangunan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Ia seterusnya berpindah ke kampus sementara Bangunan IPB, Kampung Pandan, Kuala Lumpur enam bulan kemudian. Era kegemilangan Usim sebagai sebuah universiti awam dengan pengambilan pelajar sulungnya seramai 255 orang bermula di sini.

Usim terus berkembang dengan pertambahan program dan pelajar ketika beroperasi di kampus sementara keduanya di Menara A, Persiaran MPAJ, Pandan Indah, Kuala Lumpur. Pada masa sama, perancangan membina kampus tetap giat dijalankan di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.

Upacara pecah tanah dilakukan Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad. Pelantikan Canselor Usim dimasyurkan dan upacara penyampaian watakah pelantikan Canselor kepada Tunku Ampuan Negeri Sembilan, Tuanku Najihah Almarhum Tunku Besar Burhanuddin, diadakan di Istana Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada 2002. Konvokesyen pertama Usim diadakan pada 2003.

Pada Julai 2005, Usim mula dipindahkan ke kampus utamanya di Bandar Baru Nilai. Berkuat kuasa pada 1 Februari 2007, nama Kolej Universiti Islam Malaysia ditukar kepada Universiti Sains Islam Malaysia atau singkatannya Usim.

Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor adalah Pengerusi Lembaga Pengarah Usim. Usim berkembang pesat di bawah pentadbiran Prof Datuk Dr Abdul Shukur Husin selaku Naib Canselor dan dibantu oleh dua timbalan Naib Canselor iaitu Prof Dr Muhamad Muda sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan Prof Datuk Dr Mohamed Asin Dollah selaku Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

Pengurusan tertinggi turut dianggotai Pendaftar Usim, Addenan Abd Rahman, Rohani Abu sebagai Bendahari, Jasmin Jainon selaku ketua Pustakawan. Daim Saim adalah Pengarah Pembangunan Usim.

Kepemimpinan Usim turut diperkuatkan oleh bantuan dekan fakulti iaitu dekan Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, Dr Adnan Mohamed Yusoff; Dekan Fakulti Kepimpinan & Pengurusan, Prof Datin Sri Dr Hajjah Mizan Adillah Ahmad Ibrahim; Dekan Fakulti Syariah & Undang-Undang, Prof Dr Abdul Samat Musa; Dekan Fakulti Ekonomi & Muamalat, Prof Dr Mustafa Mohd Hanefah; Dekan Fakulti Sains & Teknologi, Prof Dr Jalani Sukaimi; Dekan Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan, Prof Dr Nik Mohd Nasir Nik Ismail; Dekan Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Dr Rosni Samah dan Dekan Fakulti Pergigian, Prof Datuk Dr Wan Mohamad Nasir Wan Othman.

Usim terus cemerlang melalui pentadbiran pusat yang diterajui Prof Dr Mohammad Alias, Pengarah Pusat Perkembangan Strategik dan Perhubungan Korporat; Sapora Sipon, Pengarah Perhubungan Korporat; Prof Madya Dr Ahmed Maher Mohamed Mokhtar Bakri, Penangku Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Persidangan dan Arif Fahmi, Pengarah Pu-

INTI PATI

Sejarah ringkas Usim

- Memulakan operasi pentadbiran di Bangunan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Seterusnya berpindah ke kampus sementara Bangunan IPB, Kampung Pandan, Kuala Lumpur.
- Usim terus berkembang ketika beroperasi di kampus sementara keduanya di Menara A, Persiaran MPAJ, Pandan Indah, Kuala Lumpur.
- Upacara pecah tanah dilakukan Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad.
- Pelantikan Canselor Usim dimasyurkan dan upacara penyampaian watakah pelantikan Canselor kepada Tunku Ampuan Negeri Sembilan, Tuanku Najihah Almarhum Tunku Besar Burhanuddin pada 2002.
- Konvokesyen pertama Usim diadakan pada 2003.
- Pada Julai 2005, dipindahkan ke kampus utama di Bandar Baru Nilai. Berkuat kuasa 1 Februari 2007, nama Kolej Universiti Islam Malaysia ditukar kepada Universiti Sains Islam Malaysia atau singkatannya Usim.

sat Pengajian Umum.

Pada awal penubuhannya, Usim hanya menawarkan tiga program pengajian di bawah tiga fakulti. Kini, Usim menawarkan 19 program pengajian pada peringkat pra-siswazah melalui lapan fakulti. Fakulti itu adalah Pengajian Quran dan Sunnah, Kepimpinan dan Pengurusan, Syariah dan Undang-Undang,

Ekonomi dan Muamalat, Sains dan Teknologi, Perubatan dan Sains Kesihatan, Pengajian Bahasa Utama dan Pergigian

Program pengajian akademik Usim disokong oleh penubuhan Pusat Pengajian Umum dan Pusat Pengajian Siswazah. Pusat Pengajian Siswazah menawarkan 12 program pada peringkat doktor falsafah, sarjana dan diploma lanjutan.

Di Usim, pelbagai komponen kokurikulum ditawarkan seperti sukan, kebudayaan dan badan beruniform. Menerusnya, pelajar boleh menganggotai dan menyertai pelbagai aktiviti seperti Sukarelawan Siswa Polis Diraja Malaysia (Suksis), Pertahanan Awam (JPA3), Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM), golf, memanah, boling, teater dan pelbagai lagi.

Usim sudah menempuh pelbagai kejayaan cemerlang dalam bidang seperti penyelidikan, seminar, penerbitan, aktiviti pelajar dan penganugerahan sijil ISO. Bertekad untuk menjamin mutu dan kualiti perkhidmatan yang bertaraf antarabangsa, Usim berjaya memperoleh sijil kualiti MS ISO 9001:2000 dalam skop Penyediaan Perkhidmatan Pendidikan pada peringkat sarjana Muda meliputi reka bentuk dan pembangunan kurikulum.

Beberapa kejayaan dicapai oleh Usim dalam bidang penyelidikan. Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (Infad) pula menerajui pelbagai penyelidikan mengenai fatwa sedunia dan diiktiraf sebagai badan rujukan fatwa yang disegani.

Usim juga giat menganjurkan seminar dan persidangan pada peringkat antarabangsa dan kebangsaan. Penganjur aktiviti sebegini dapat menemukan pakar dalam pelbagai bidang. Seiring dengan kegiatan penyelidikannya, Usim turut aktif dalam penerbitan buku dan jurnal.

Sehingga kini, Usim sudah menerbitkan sejumlah 60 buku dalam pelbagai bidang ilmu berteraskan Islam. Penerbit Usim juga adalah ahli majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (Mapim).

Kini, kampus utama Usim sudah dilengkapi kemudahan bangunan fakulti, bangunan pentadbiran, pusat teknologi maklumat, dewan kuliah, dewan peperiksaan, makmal

komputer dan kompleks makmal sains. Perpustakaan, mahkamah moot, pusat khidmat setempat, kompleks sukan dan pusat kesihatan pelajar turut disediakan.

Bangunan pentadbiran yang tersergam indah di pintu masuk utama Usim adalah mercu tanda Usim sebagai sebuah universiti Islam unggul. Seni binanya yang menerapkan ciri Islam, menempatkan bilik canselor, bilik pengurusan tertinggi, bilik mesyuarat senat, bilik mesyuarat lembaga pengarah universiti, bilik mesyuarat naib canselor, bilik mesyuarat canselori, bilik mesyuarat pendaftar dan bilik mesyuarat bendahari.

Sokongan dan keprihatinan Tuanku Canselor terhadap perkembangan Usim memberikan universiti keyakinan untuk terus maju dalam bidang akademik, penyelidikan, penerbitan, program kemasyarakatan dan pentadbiran. Tuanku Canselor sangat aktif memberi sokongan kepada Usim melalui aktiviti seperti Tuanku Najihah Syariah & Law Lecture, Pertandingan Golf Amal, Majlis Santapan Sempena Konvokesyen, Majlis Konvokesyen dan lawatan rasmi ke Usim.

Bagi memantapkan keupayaan infrastruktur, fasa kedua pembangunan kampus Usim diteruskan dalam Rancangan Malaysia kesembilan (RMK-9) untuk membangunkan empat bangunan fakulti, bangunan tetap perpustakaan, kompleks Hal-Ehwal Pelajar dan Pusat komersial.

Sempena penamaan semula Usim, seluruh warga Usim ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak kerajaan; Datuk Mustapa Mohamed, Menteri Pengajian Tinggi; Datuk Seri Utama Mohamad Hassan, Menteri Besar Negeri Sembilan; kerajaan Negeri Sembilan, masyarakat sekitar Nilai, Majlis Perbandaran Nilai, pihak media dan pihak Jain yang amat prihatin serta banyak membantu kejayaan Usim.

Seluruh warga Usim bertekad menumpukan seluruh tenaga dan usaha untuk terus bergerak maju demi memastikan Usim terus cemerlang dalam memberikan khidmat kepada agama, bangsa dan negara.

Penulis adalah Pengarah Perhubungan Korporat USIM



GAH TERSENGAM: Bangunan Canselori Usim di Bandar Baru Nilai.